

Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur Merupakan Saluran Unik Yang Menyatukan Pelbagai Bangsa dan Etnik

Pelajar Tempatan dan Antarabangsa Bersatu untuk Minggu Kesedaran Budaya KLMUC 2016

Kuala Lumpur, 19 Ogos 2016- Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) telah menganjurkan Minggu Kesedaran Budaya tahun ini bermula pada 8 Ogos hingga 12 Ogos 2016. Acara 4 hari ini akan dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermie Yati binti Samsudin.

Acara ini telah memaparkan pelbagai aktiviti seperti tarian kebudayaan, perarakan, gerai pameran dan pertandingan yang menggambarkan keunikan dan kepelbagaian warga berbilang negara di KLMUC. Antara aktiviti yang menarik sepanjang minggu adalah pertandingan melodrama yang memperlihatkan penglibatan pelajar-pelajar antarabangsa menuturkan bahasa ibunda mereka. Antara bahasa-bahasa yang didengarkan adalah Pakistan, Cina, Tamil, Melayu dan Somali. Slot '*Movie n Lunch*' juga dianjurkan, di mana filem-filem luar negara di Thailand dan Hindi ditayangkan.

Ketua Pegawai Eksekutif Cosmopoint Sdn Bhd dan Naib Canselor KLMUC, Encik Kamal Nawawi berkata, "KLMUC meraikan ulangtahunnya yang ke-10 tahun ini, dan kami sangat komited untuk dikenali sebagai institusi pendidikan tinggi yang berpatutan dan menjadi pilihan ramai. Sentimen ini hanya akan boleh dikecapi sekiranya kami menyemarakkan integrasi budaya dan meraikan perbezaan masing-masing. Tidak ada cara yang lebih baik untuk mencapai matlamat ini jika tidak melalui Minggu Kesedaran Budaya,"

Sehingga kini, KLMUC mempunyai jumlah pelajar antarabangsa yang ramai dan berasal dari negara-negara seperti Nigeria, Yaman, Guinea, Bangladesh, Indonesia, India, Thailand, Sudan, Arab Saudi, Somalia dan Filipina.

Pelajar Thailand, Noshaini Sama Ae yang mengikuti program Ijazah Perniagaan dan Pembangunan Keusahawanan berkata, “Saya sangat teruja kerana terlibat di dalam acara tahun ini kerana ia menunjukkan komitmen KLMUC di dalam menyokong pelajar antarabangsanya, dan biarpun saya jauh dari keluarga tetapi saya sangat gembira berada di sini. Kawan-kawan dan para pensyarah telah mewujudkan satu persekitaran yang mengalu-alukan kehadiran saya di sini,”

Acara seperti Minggu Kesedaran Budaya juga selari dengan pendirian teras KLMUC, ‘Aplikasi Dunia Nyata’ yang mengetengahkan praktikal dunia profesional ke dalam pembelajaran mereka. Melalui acara sebegini, pelajar diberi peluang untuk merasai pengalaman dan kemahiran yang berkaitan dengan dunia kerja yang sebenar.

“Saya berbesar hati melihat ikatan yang terjalin antara pelajar tempatan dan antarabangsa kami di KLMUC, bersama-sama kita mewujudkan persekitaran pembelajaran kondusif yang menyokong kesejahteraan dan kejayaan setiap pelajar di sini,” tambah Kamal.

Penutup bagi acara ini adalah Majlis Makan Malam Gala yang telah diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di mana majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang di dalam acara yang dipertandingkan turut berlangsung.

TAMAT

Mengenai Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur

Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) adalah sebuah institusi pengajian tinggi yang progresif dan inovatif dengan menawarkan lebih daripada 45 program di bawah 4 fakulti, dan satu pusat. Ditubuhkan pada tahun 2006 KLMUC kini menawarkan program Asasi, Diploma dan Ijazah yang menerapkan prinsip Aplikasi Dunia Nyata sebagai laluan kepada kejayaan profesional. KLMUC juga terus berusaha dalam membangunkan program-program yang relevan bagi memenuhi keperluan pelajar. Program-program akademik dibangunkan melalui perundingan dengan rakan-rakan perniagaan dan industri luar, sektor awam dan profesional. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.klmuc.edu.my.

Untuk sebarang pertanyaan media:

Cosmopoint Sdn Bhd

Elyantie Mohamed

Pengurus, Penjenamaan & Komunikasi

Tel: (603) 2604 6113

E:elyantie.mohamed@cosmopoint.com.my

Yasmin Yusoff

Pegawai Kanan, Penjenamaan & Komunikasi

Tel: (603) 2604 6121

E:ainulyasmin.myusoff@cosmopoint.com.my